

KEDUDUKAN HUKUM SENTUHAN BUKAN MAHRAM KE ATAS ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGLIHATAN KETIKA SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Azman Ab Rahmanⁱ Muhammad Faiz Abd. Shakorⁱⁱ Norakyairee Mohd Rausⁱⁱⁱ Mohd Nur Adzam Rasdi^{iv} Ahmad Wifaq Mokhtar^v Zahari Mahad Musa^{vi} Nurul Nadia Nozlan^{vii}

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor, Institut Fatwa dan Halal. azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. faizshakorkisas@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pengarah, Ibnu Ummi Maktum Research Centre. norakyairee@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. nuradzam@usim.edu.my

^v Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. wifaq@usim.edu.my

^{vi} Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. zahari@usim.edu.my

^{vii} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. nunadianurul@gmail.com

Abstrak

Sentuhan merupakan salah satu bentuk komunikasi bukan lisan yang biasa digunakan bagi OKU penglihatan. Mereka menggunakan deria ini sebagai ganti bagi deria penglihatan ketika berjalan, mengenali sesuatu objek dan juga membaca kod Braille. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, komunikasi lisan merupakan kaedah yang lumrah digunakan. Namun, komunikasi bukan lisan seperti sentuhan amat diperlukan bagi golongan OKU Penglihatan. Timbul persoalan tentang kedudukan hukum sentuhan terhadap bukan mahram khususnya guru yang mengajar murid OKU penglihatan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran ibadat. Justeru, artikel ini akan menghuraikan kedudukan hukum sentuhan bukan mahram ke atas oku penglihatan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dari segi perbezaan jantina dan sebagainya. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam mengumpulkan data bagi mencapai kehendak objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian mendapati dalam aspek sentuhan antara guru dan murid bermasalah penglihatan yang berbeza jantina bukan mahram adalah harus jika terdapat keperluan (hajah) sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk menunjukkan perlakuan sesuatu ibadat seperti pergerakan rukun solat dan membetulkannya dengan menggunakan tangan dengan kadar minima termasuk perlakuan wuduk, tayammum dan sebagainya. Pendekatan penggunaan sarung tangan adalah langkah terbaik sekiranya tidak menyukarkan dan lebih cermat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat secara umum dan golongan OKU khususnya berkenaan isu sentuhan antara bukan mahram dan OKU penglihatan.

Kata kunci: *Sentuhan, Bukan Mahram, OKU Penglihatan.*

PENDAHULUAN

Menurut doktor Pakar Perubatan Oftalmologi, OKU Penglihatan turut mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan ibadat seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya apabila melepasi syarat-syarat yang dituntut disisi syarak. Hal ini kerana walaupun mereka mempunyai ketidakupayaan dari segi penglihatan, sifat lain adalah normal (Fizikal, Pendengaran, Pergerakan). Masalah utama yang dihadapi oleh komuniti ini

adalah pada aspek penglihatan dan mobilisasi sahaja (Khairuddin, 2022). Bantuan sedia ada seperti braille dan kursus mobilisasi telah dibangunkan bagi membantu komuniti OKU Penglihatan mendapat akses tertentu seperti mempelajari ibadat dan demi menyokong kehidupan seharian mereka.

OKU penglihatan bermaksud individu yang mengalami buta sama ada di kedua-dua belah mata, di sebelah mata sahaja, penglihatan terhad di kedua-dua belah mata atau lain-lain gangguan penglihatan kekal (JKM, 2021). Oleh itu, penggunaan akses yang sesuai kepada OKU penglihatan adalah penting kerana akses yang teratur dapat mempengaruhi sasaran menerima ilmu. Secara teori, walaupun isi kandungan pengajian hadis itu baik, namun sukar diterima oleh kumpulan sasar jika aksesnya kurang bersesuaian. Oleh itu, akses adalah cara tertentu untuk menentukan sejauh mana keberkesanan maklumat dapat diterima oleh OKU penglihatan (Abdul Munir, 2014). Menurut Ikhsan & Norila (2005), tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) menggunakan pancaindera mendapati penglihatan dan pendengaran memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan dalam P&P, dengan 75% diwakili oleh pancaindera penglihatan. Ini menunjukkan bahawa penglihatan merupakan elemen terpenting dalam proses perolehan maklumat.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data terhadap penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan dokumentasi dan pemerhatian untuk mendapatkan data primer dan sekunder berkaitan objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat pelbagai isu kontemporari yang wujud bagi komuniti OKU Penglihatan dalam melaksanakan ibadat mahupun mempelajari ibadat seperti syahadah, taharah, solat, puasa, zakat dan haji. Secara umumnya, OKU Penglihatan mempunyai tanggungjawab untuk mempelajari ibadat dan wajib melaksanakan ibadat disebabkan cukup syarat-syarat taklif yang dimiliki oleh mereka meskipun mempunyai ketidakupayaan dari segi penglihatan.

Keterbatasan pancaindera penglihatan yang ada pada OKU penglihatan tidak menghalang golongan ini untuk menimba ilmu pengetahuan. Namun dalam aspek sentuhan terdapat isu keperluan terhadap penghuraian hukum sentuhan terhadap bukan mahram terutama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Justeru, artikel ini akan menghuraikan kedudukan hukum sentuhan bukan mahram khususnya guru ke atas oku penglihatan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung.

PERBINCANGAN

HUKUM SENTUHAN BAGI OKU PENGLIHATAN

1) Sentuhan Ketika sesi Pengajaran dan Pembelajaran dan Sewaktu Solat

Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, komunikasi lisan merupakan kaedah yang lumrah digunakan. Namun, dalam situasi tertentu, komunikasi lisan juga perlu diperkukuhkan dengan komunikasi bukan lisan untuk menarik perhatian atau menambahkan kefahaman. Antara komunikasi bukan lisan ialah sentuhan. Rasulullah SAW pernah melakukan sentuhan semasa melakukan proses pendidikan kepada para sahabatnya. Ibn Mas'ud r.a. meriwayatkan:

علمني رسول الله صلى الله عليه وسلم، وكفي بين كفيه، التشهد

Maksudnya: Rasulullah SAW mengajarku tasyahhud dalam keadaan tanganku berada antara kedua tangan Baginda.

(al-Bukhari, 1422H).

Terdapat peristiwa lain, Rasulullah SAW memegang bahu 'Umar r.a. untuk memberi nasihat kepada beliau. Umar r.a. meriwayatkan:

أخذ رسول الله صلى الله عليه وسلم بمنكبي، فقال: كن في الدنيا كأنك غريب أو عابر سبيل

Maksudnya: Rasulullah SAW memegang bahu saya dan bersabda: Jadilah di atas dunia seumpama seorang dagang atau penyeberang jalan.

(al-Bukhari, 1422H)

Sentuhan merupakan satu bentuk komunikasi bukan lisan yang biasa bagi OKU penglihatan. Mereka menggunakan deria ini sebagai ganti bagi deria penglihatan ketika berjalan, mengenali sesuatu objek dan juga membaca kod Braille. Proses pengajaran dan pembelajaran guru biasanya menyediakan contoh mautod untuk disentuh dan dirasa oleh mereka. Tanpa sentuhan yang jelas, tahap kefahaman mereka untuk memahami sesuatu konsep mungkin agak sukar untuk dijelaskan secara lisan.

Selain itu, sebagai contoh untuk menjelaskan perlakuan solat yang betul mungkin tidak terlalu sukar bagi orang yang tiada masalah penglihatan. Guru mahupun asatizah boleh menunjukkan cara perlakuan solat atau menayangkan visual perlakuan solat di dalam kelas atau sewaktu pengajaran. Namun, hal ini tidak dapat dilakukan kepada OKU Penglihatan. Agak sukar bagi mereka untuk menggambarkannya jika guru atau asatizah hanya menggunakan penerangan secara lisan. Oleh itu, dengan bantuan sentuhan, guru atau asatizah boleh meminta OKU Penglihatan melakukan perlakuan solat dan membetulkannya dengan menggunakan tangan. Begitu juga dengan perlakuan wuduk, tayammum dan sebagainya.

Umumnya, harus sentuhan antara guru dan murid bermasalah penglihatan yang berbeza jantina bukan mahram jika terdapat keperluan (hajah) sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk menunjukkan perlakuan sesuatu ibadat seperti pergerakan rukun solat dan membetulkannya dengan menggunakan tangan dengan kadar minima termasuk perlakuan wuduk, tayammum dan sebagainya.

2) Aspek Sentuhan Berlainan Jantina

Secara asasnya, sentuhan antara individu-individu berbeza jantina bukan mahram adalah diharamkan walaupun pada anggota yang bukan aurat. Namun, persoalan akan timbul apabila sentuhan telah berlaku misalnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan murid OKU Penglihatan dan guru yang berbeza jantina serta bukan mahram. Persoalan juga timbul sama ada wujud ruang atau tidak untuk memberi kelonggaran apabila golongan ini berada di dalam situasi tersebut.

Jika murid tersebut masih kanak-kanak yang tidak boleh menaikkan syahwat, ia boleh disentuh dan sentuhan tersebut tidak membatalkan wudhuk. Menaikkan syahwat di sini merujuk kepada orang yang menyentuh dan orang yang disentuh. Dalam hal ini terdapat dalam kalangan ulama yang meletakkan umur kenak-kanak tersebut tidak melebihi 7 tahun Qamariyyah (al-Ramli, 2009; al-Syirbini al-Khatib, 1994). Al-Imam al-Nawawi (t.t) menyatakan dalam kitab *al-Majmu'* bahawa tiada umur tertentu yang boleh dijadikan ukuran, sebaliknya ia berbeza mengikut situasi kanak-kanak tersebut.

Selain kanak-kanak, tiada perbezaan dalam kalangan mazhab empat terhadap pengharaman sentuhan antara lelaki dan wanita bukan mahram walaupun anggota yang disentuh tersebut adalah halal untuk dilihat ketika ingin berkahwin, berjual beli dan sebagainya. Pengharaman ini tidak tergugat dengan alasan terhindar daripada nafsu syahwat kerana tidak sampai ke tahap *darurah*. Keadaan *darurah* yang dibincangkan oleh ulama ialah pada situasi tertentu iaitu ketika berubat, membantu pesakit (jururawat) dan menyelamatkan mangsa daripada malapetaka (al-Kasani, 1986; al-Ramli, 1984; al-Mardawi, 1980).

Contoh-contoh yang dinyatakan oleh para ulama tersebut sebenarnya merujuk kepada hadis-hadis yang khusus berkenaannya. Antaranya:

1. Jabir r.'a meriwayatkan:

استأذنت رسول الله صلى الله عليه وسلم في الحجامة. فأمر النبي صلى الله عليه وسلم أبا طيبة أن أن أم سلمة
يجمعها.

Maksudnya: Ummu Salamah (r.h.) telah meminta izin daripada Rasulullah SAW untuk berbekam. Lalu baginda SAW memerintahkan Abu Taybah untuk melakukan bekam ke atasnya

(Muslim, 1392H).

Berbekam memerlukan aurat disingkap. Hadis ini menjadi dalil bahawa aurat boleh didedahkan sekadar keperluan apabila melakukan prosedur perubatan¹⁰⁶.

2. al-Rubayyi' bin Mu'awwidh meriwayatkan:

كنا مع النبي صلى الله عليه وسلم نسقي ونداوي الجرحى، ونرد القتلى إلى المدينة

¹⁰⁶ Walaupun perawi hadis ini ada menyebutkan bahawa berkemungkinan Abu Taybah adalah saudara lelaki kepada Ummu Salamah r.a. secara susuan atau seorang hamba yang belum baligh, namun andaian ini disangkal oleh Ibn Hazm dengan panjang lebar di dalam kitabnya al-Muhalla (Ibn Hazm, t.th.: 9/164).

Maksudnya: Dahulu kami bersama Nabi SAW memberi minum dan mengubati orang yang cedera (dalam peperangan) dan membawa balik mereka yang terkorban ke Madinah

(al-Bukhari, 1422H).

Selain hadis ini, terdapat lagi hadis-hadis lain yang menceritakan berkenaan penglibatan para wanita sebagai pasukan perubatan untuk mengubati para pejuang yang tercedera. Keperluan kepada penglibatan mereka dianggap sebagai satu perkara *darurah* yang mengharuskan mereka mengubati kaum lelaki bukan mahram ketika peperangan.

Namun, persoalan timbul sama ada hukum sentuhan antara lelaki dan perempuan bukan mahram dalam pendidikan khususnya antara guru dan murid juga sama. Jika dilihat dari segi aspek pendidikan (*ta'lim*), dibenarkan untuk melihat aurat dalam kadar keperluan. al-Imam al-Nawawi menyatakan di dalam *Minhaj al-Talibin* (al-Nawawi, t.t):

ويباح النظر لمعاملة وشهادة وتعليم ونحوها بقدر الحاجة، والله أعلم

Maksudnya: Diharuskan melihat (aurat) untuk urusan muamalat, persaksian, pengajaran dan seumpamanya sekadar keperluan (*al-hajah*), *wa Allah A'lam*.

Menurut al-Khatib al-Syirbini (1994) hukum ini meliputi *amrad* dan selain mereka (lelaki atau perempuan bukan mahram). Berdasarkan kaedah *ما يحل نظره يحل مسه* (apa yang harus dilihat, harus juga disentuh), harus sentuhan antara guru dan murid berbeza jantina bukan mahram yang dimaksudkan disini adalah sekiranya dalam keadaan keperluan (*al-hajah* atau mendesak (*dharurah*)). Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya bersifat *aghlabi* (kebanyakan) bukan *kulli* (menyeluruh). al-Bujairimi (1950) tidak mengaplikasikan kaedah ini untuk beberapa perkara termasuk pendidikan:

فلا يحل لرجل مس وجه أجنبية وإن حل نظره لنحو خطبة أو شهادة أو تعليم

Maksudnya: Maka tidak halal bagi seorang lelaki menyentuh wajah wanita ajnabiyyah walaupun halal baginya melihatnya untuk tujuan pertunangan, persaksian atau pengajaran.

Kelihatannya para ulama tidak menyamakan pengajaran dengan berubat, membantu pesakit ketika peperangan dan menyelamatkan mangsa malapetaka. Kewujudan orang buta bukan perkara baharu dalam dunia pendidikan. Oleh itu, kita tidak boleh berhujah bahawa apa yang dibincangkan adalah isu baharu yang tidak ditekuni oleh para ulama silam dalam kajian mereka. Malah pada zaman moden ini terdapat alternatif yang boleh digunakan untuk mengatasi isu ini. Antaranya penggunaan sarung tangan untuk mengelak daripada berlaku sentuhan langsung.

Menurut mazhab Shafi'i, diharuskan bersalaman antara lelaki dan wanita bukan mahram serta *amrad* dengan syarat ia berlapik (*ha'il*) dan bebas daripada sebarang fitnah. Al-Ramli (1984) berpandangan hukum ini hanya khusus kepada bersalaman, sementara hukum menyentuh anggota lain secara berlapik tetap dikira haram walaupun bebas daripada fitnah. Namun al-Maghribi al-Rashidi penulis Hashiyah ke atas kitab *Nihayah al-Muhtaj* tidak bersetuju dengan pandangan al-Ramli

dan menganggap hukum keharusan tersebut tidak terhad kepada bersalaman sahaja (al-Maghribi al-Rashidi, 1992). Dalam bab mandi jenazah, mazhab Maliki pula menjadikan lapik (*ha'il*) sebagai jalan penyelesaian. Seorang lelaki dibenarkan untuk memandikan jenazah wanita mahram apabila tiada wanita yang dapat memandikannya dengan menggunakan lapik (*ha'il*). Ketika memandikan jenazah dia hendaklah mengelak daripada melihat ke arah jenazah dan menyentuh jenazah tanpa membuka auratnya.

Oleh itu, sentuhan secara langsung antara guru dan murid berbeza jantina bukan mahram tidak boleh dianggap sebagai satu keperluan yang mencapai tahap *darurah* atau *hajah* yang mengambil hukum *darurah* kerana boleh diatasi dengan penggunaan sarung tangan. Pemakaian sarung tangan mengambil hukum lapik (*ha'il*) kerana tidak berlaku sentuhan kulit dengan kulit secara langsung. Walaupun pemakaian sarung tangan melibatkan peningkatan kos dan ketidak selesaan bagi sebahagian guru, ia hanya boleh diklasifikasikan sebagai *tahsiniyyah* atau *hajiyyah* yang tidak mengambil hukum *daruriyyah* sehingga boleh mengubah hukum asal yang haram. Penggunaan sarung tangan hanya ketika diperlukan dalam topik-topik khusus yang memerlukan sentuhan fizikal. Sarung tangan tersebut dianggap sebagai alat bantuan pengajaran dan pembelajaran. Jenis dan buatannya mestilah bersesuaian dengan penggunaan supaya tidak memberi kesan alahan kepada pengguna.

Jika sarung tangan digunakan untuk membantu komuniti OKU penglihatan memahami perlakuan wuduk, ia tidak membawa kepada isu terbatal wuduk. Dalam mazhab Hanafi menyentuh kulit berbeza jantina tidak membatalkan wuduk sama sekali sama ada berlapis atau tanpa lapis (Ibn Nujaym, t.t). Mazhab Maliki pula meletakkan syarat wujud syahwat ketika menyentuh sebagai membatalkan wuduk ('Ulaysh, 1989). Mazhab Shafi'i ada dua pandangan. Pandangan pertama Imam Shafi'i (*al-azhar*) batal wuduk tanpa berlapis sama ada wujud syahwat atau tidak. Pandangan kedua (*muqabil al-azhar*) hanya batal orang yang menyentuh tetapi orang yang disentuh tidak batal. Mazhab Shafi'i tidak meletakkan syarat wujud syahwat dalam kedua-dua pandangan tersebut (al-Nawawi, t.t; al-Syirbini, 1994). Mazhab Hanbali meletakkan dua syarat dalam isu ini iaitu; sentuhan tanpa berlapis dan disertakan dengan syahwat (al-Mardawi, 1980).

Umumnya, menyentuh bukan mahram berbeza jantina dengan menggunakan sarung tangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran diharuskan sebagaimana perbincangan yang lalu, namun ia hendaklah dilakukan secara minima. Jika tidak perlu, eloklah dielakkan. Hal ini berdasarkan kaedah (al-Zarkashi, 1994):

إذا اتسع الأمر ضاق

Maksudnya: Apabila sesuatu perkara menjadi luas (senang), ia kembali menjadi sempit.

Sentuhan yang berlebihan dikhuatiri akan boleh mendorong untuk menaikkan syahwat. Jika hal ini berlaku, ia akan kembali kepada hukum asal iaitu haram. Sentuhan merupakan jalan terakhir yang digunakan oleh guru sebagai satu kelonggaran (*rukhsah*).

KESIMPULAN

OKU Penglihatan mempunyai tanggungjawab untuk mempelajari ibadat dan wajib melaksanakan ibadat disebabkan cukup syarat-syarat taklif yang dimiliki oleh mereka meskipun mempunyai ketidakupayaan dari segi penglihatan. Bantuan sedia ada seperti braille dan kursus mobilisasi telah dibangunkan bagi membantu komuniti OKU Penglihatan mendapat akses tertentu seperti mempelajari ibadat dan demi menyokong kehidupan seharian mereka. Keterbatasan pancaindera penglihatan yang ada pada OKU penglihatan tidak menghalang golongan ini untuk menimba ilmu pengetahuan. Namun dalam aspek sentuhan terdapat isu keperluan terhadap penghuraian hukum sentuhan terhadap bukan mahram terutama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Terdapat dua isu dalam aspek sentuhan antara guru dan murid bermasalah penglihatan yang berbeza jantina bukan mahram adalah harus jika terdapat keperluan (hajjah) sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Para ulama tidak membenarkan sentuhan secara langsung antara bukan mahram yang berbeza jantina dalam proses pendidikan kerana ia tidak diklasifikasikan sebagai al-hajjah yang mengharuskan perkara yang haram. Namun begitu, sentuhan secara berlapik masih dibenarkan dengan syarat terhindar daripada syahwat. Penggunaan sarung tangan adalah langkah terbaik kerana ia melibatkan sentuhan berlapik yang masih dibenarkan oleh sebahagian ulama. Kajian keberkesanan perlu dilakukan supaya ia dapat meyakinkan pelbagai pihak yang berkaitan.

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), dengan tajuk Pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Konteks Malaysia Baharu, Kod Penyelidikan USIM: USIM/FRGS/FSU/055002/50519 dan Kod Penyelidikan JPT: FRGS/1/2019/WAB04/USIM/02/1. Ketua penyelidik juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail. (2014). *Dakwah Islam dan Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bujairimi, Sulayman bin 'Umar bin Muhammad al-Bujairimi (1950). *Hashiyah al-Bujairimi 'ala al-Manhaj*. Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Bukhari, al-Imam Abu 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Kāsāni, A. Bakar. (1986). *Badai' al-Ṣanāi' fī Tartīb al-Syarāi'*. Cet. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.

- Al-Mardawi, 'Ala' al-Din Abu al-Hasan 'Ali bin Sulayman al-Mardawi (1980). *Al-Insaf fi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf 'ala Madhhab al-Imam*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Nawawi, Yahya. (t.t). *Al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ramli, Syahabuddin. (2009). *Fath al-Rahmān bi Syarḥ Zubad Ibn Arsālan*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Ramli, Syamsuddin. (1984). *Nihāyat al-Muḥtāj ila Syarḥ al-Minhāj ma'a Ḥāsyiat al-Syubramallisy wa Ḥāsyiat al-Rasyīdiy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syirbini, Muhammad Al-Khatib (1994), *al-Iqna' fi Hill AlfazAbi Syuia'*, jil.2, Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nuhda wa Awladah.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Dīn. (1994). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fi Usūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutubi.
- Ibn Nujaym, Zayn al-'Abidin bin Ibrahim bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Nujaym (t.t.). *Al-Baḥr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Dar al-kitab al-Islami li Ihya' wa Nashr al-Turath al-Islami.
- Ikhsan Othman & Norila Md Salleh. (2005). *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah, Aspek-aspek yang Berkaitan*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). *Maklumat Berkenaan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kategori OKU*. Diakses pada Julai 2022, daripada:<https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/MAKLUMAT%20BERKENAAN%20PENDAFTARAN%20OKU%20DAN%20KATEGORI%20OKU.pdf>
- Khairudin, M.N (2022). *Kedudukan OKU Penglihatan Dalam Pelaksanaan Ibadat Menurut Perspektif Perubatan*. Ceramah: Kajian Hukum Dan Garis Panduan Pelaksanaan Ibadat Orang Kurang Upaya (Oku) Di Malaysia di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) pada 31 Mei 2022
- Muslim, Abu al-Husayn al-Imam Muslim bin al-Hajjaj Muslim bin Ward al-Qushairi al-Naysaburi (1392H). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.